



PERUTUSAN PENERUSI



PERUTUSAN PENGERUSI

DATO' MOHAMMAD FAIZ AZMI

Bagi pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), saya berbesar hati membentangkan Laporan Tahunan 2025 serta berkongsi pencapaian utama sepanjang tahun tersebut.

Tahun 2025 merupakan tahun signifikan, yang menyaksikan kepimpinan Malaysia dalam ASEAN serta pelbagai platform berkaitannya, termasuk Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF), iaitu mekanisme mantap dalam memajukan pasaran modal serantau. Pada masa yang sama, SC meneruskan usaha untuk memperkukuh daya tahan dan integriti pasaran modal Malaysia, di samping memudahcara mobilisasi pembiayaan dan pelaburan bagi menyokong pertumbuhan yang inklusif dan mampan.

MEMAJUKAN PASARAN MODAL SERANTAU

Menggalas tanggungjawab sebagai Pengerusi ACMF pada tahun 2025 merupakan satu inisiatif yang besar

dan usaha yang amat bermakna kepada SC. Susulan perubahan ketara dalam landskap global pada tahun tersebut, peranan ACMF menjadi semakin penting.

Pelbagai sesi libat urus diperlukan apabila penggubal dasar dan industri menilai serta menyemak semula penyelesaian sedia ada dan potensi langkah baharu. Matlamat asasnya adalah untuk memperkukuh daya tahan pasaran serta membuka ruang pertumbuhan dan keterhubungan baharu. Ia merupakan pencapaian utama bagi SC, dan saya amat berbangga kerana kami berjaya mencapai apa yang telah ditetapkan selaku Pengerusi ACMF.

Pelan Tindakan ACMF 2026–2030 adalah antara hasil utama ACMF yang paling menonjol. Pelan yang dihasilkan melalui kerjasama daripada kesemua 11

negara anggota ini mengenal pasti keutamaan strategik bagi tempoh lima tahun akan datang dengan pelan kerja yang jelas dan konkrit. Pelan Tindakan ini benar-benar mencerminkan komitmen bersama untuk memastikan pasaran modal serantau berada pada kedudukan yang kukuh, bukan sahaja untuk hari ini tetapi juga untuk masa hadapan.

Yang lebih penting, negara anggota menunjukkan keterbukaan untuk mempertimbangkan bidang risiko yang sedang muncul serta kurang mendapat pembiayaan, di samping meneroka peluang baharu bagi ASEAN. Hasilnya, ACMF telah melangkah jauh dalam membangunkan rangka kerja serantau bagi pembiayaan penyesuaian iklim dan pasaran karbon. Usaha sedemikian akan memberi sumbangan besar dalam memastikan kemakmuran dan daya tahan Asia Tenggara pada masa hadapan.

MEMELIHARA KEPERCAYAAN DAN DAYA TAHAN PASARAN

Pada tahun 2025, keteguhan rangka kerja kawal selia Malaysia bagi pencegahan pengubahan wang haram, pencegahan pembiayaan keganasan dan sekatan kewangan yang disasarkan (AML/CFT/CPF) menerima pengiktirafan antarabangsa. Selepas penilaian mendalam, Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF) menaik taraf Malaysia ke kategori tertinggi iaitu susulan berkala (*regular follow up*), satu status yang hanya dicapai oleh 11 negara dalam kitaran penilaian FATF sebelumnya. SC merupakan sebahagian daripada pasukan pelbagai disiplin yang berinteraksi dengan pasukan penilai sepanjang tahun tersebut.

Kami terus mengambil serius tanggungjawab AML/CFT/CPF dengan menjalankan penilaian kawal selia terhadap Pengendali Pasaran Diiktiraf (RMO) bagi memastikan patuhan terhadap keperluan usaha wajar dan pencegahan pengubahan wang haram.

Dari sudut penilaian pengawasan, SC turut meningkatkan tumpuan terhadap amalan pengurusan risiko teknologi dan siber oleh Bursa Malaysia, perantara pasaran dan platform digital.

Memandangkan penipuan dan aktiviti tidak berlesen merangkumi lebih 60% aduan yang diterima SC, kami mempertingkatkan kerjasama dengan agensi lain. SC menjadi ahli Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) pada Julai 2025. Kami juga bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk memperkukuh pencegahan penipuan dan memanfaatkan kecerdasan buatan (AI) bagi memerangi penipuan yang semakin canggih.

Bagi membendung penyebaran nasihat pelaburan tidak berlesen melalui media sosial, SC menyemak semula *Garis Panduan Pengiklanan Produk Pasaran Modal*

dan Perkhidmatan Berkaitan dengan memperkenalkan keperluan terhadap pengengaruh kewangan yang dianggap sebagai pengiklan. Ini termasuk memperkukuh perlindungan terhadap penggunaan media sosial bagi tujuan promosi kewangan.

Sepanjang tahun tersebut, pendakwaan jenayah oleh SC telah membawa kepada denda mahkamah berjumlah RM13.1 juta serta hukuman penjara sehingga tiga tahun. Penalti sivil dan penyelesaian kawal selia berkaitan jenayah kewangan pula masing-masing berjumlah RM2.1 juta dan RM9.1 juta, dengan hampir RM2 juta dipulangkan semula kepada pelabur.

Kerjasama dan perkongsian maklumat turut diperkukuh melalui Memorandum Persefahaman dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan terhadap salah laku pasaran, penyalahgunaan serta pengelakan cukai. Selain itu, SC turut menandatangani Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala Dipertingkatkan (MMOU) IOSCO bagi meningkatkan keberkesanan penyiasatan dan tindakan penguatkuasaan terhadap urus niaga rentas sempadan.

Penguatkuasaan struktur fi SC yang disemak semula akan meningkatkan keupayaan kami untuk melindungi pelabur dan integriti pasaran. Pada masa yang sama, SC terus memberi penekanan kepada peningkatan kepakaran kawal selia melalui program latihan dalaman dan luaran. Ini termasuk Program Pembangunan Pengawal Selia Muda dan *ICM Summer School* yang diwujudkan bersama University of Durham, UK.

MENYOKONG PERTUMBUHAN INKLUSIF DAN MAMPAN

Dalam usaha meletakkan Malaysia sebagai pintu masuk bagi aliran pelaburan rentas sempadan, libat urus strategik dengan pasaran Gulf Cooperation Council (GCC) akan menjadi penting. Selaras dengan objektif ini, SC telah memeterai kerjasama strategik dengan Oman Financial Services Authority untuk bertukar pengetahuan, menjalankan penyelidikan dan membina kapasiti termasuk memperkukuh nilai cadangan global pasaran modal Islam.

Skim insentif Pejabat Keluarga Tunggal (SFO) menyediakan saluran menarik untuk menyalurkan modal domestik dan serantau ke dalam bidang keutamaan negara serta perniagaan Malaysia termasuk PMKS. Apa yang memberangsangkan, pada tahun pertama pelaksanaan skim ini, SC telah meluluskan enam permohonan bersyarat, dengan anggaran aset di bawah pengurusan (AUM) berjumlah hampir RM400 juta. Secara berasingan, akses pembiayaan untuk PMKS dan MTC dipertingkatkan lagi melalui pengenalan Dana Pelaburan Bersama Strategik Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP CoSIF) pada awal tahun 2025.

SC turut meneruskan usaha membangunkan rangka kerja kewangan sosial melalui Program Perintis Bursa Sosial (SEPP25) sebagai platform ujian untuk mengenal pasti keperluan ekosistem dan pendedahan. Usaha ini membawa kepada penerbitan *Garis Panduan Platform Bursa Sosial* pada September 2025, yang akan membolehkan pengumpulan dana untuk projek berimpak sosial.

Dalam menerapkan kemampanan, SC mengguna pakai pendekatan pelbagai serampang yang menyasarkan segmen pihak berkepentingan yang berbeza. Inisiatif Cabaran Adaptasi dan Ketahanan Banjir Pesisir (COFAR) bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai pembiayaan penyesuaian iklim, termasuk dalam kalangan belia. Bagi syarikat awam tersenarai (PLC), ACSR memudahcara penerimaan pelaporan kemampanan di bawah *Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan* (NSRF) melalui bengkel dan alat sokongan termasuk Laporan Kemampanan Ilustrasi. Kami juga berharap untuk melihat tahap kesiapsiagaan kemampanan yang lebih baik secara keseluruhan apabila perniagaan kecil menggunakan *Panduan Pendedahan ESG Ringkas* (SEDG) serta Kalkulator emisi GHG SEDG yang baru diperkenalkan.

Bagi menggalakkan inovasi bertanggungjawab, Pengawalseliaan *Sandbox* SC telah dilancarkan dengan enam peserta dalam kohort pertama yang meneroka potensi inovasi dalam pelaburan hartanah alternatif, pasaran sekunder dan pembiayaan alternatif. SC juga telah menjelaskan melalui satu Perintah Pindaan bahawa sekuriti bertoken tertakluk kepada piawaian kawal selia yang sama seperti sekuriti konvensional. Kesemua usaha ini diharap dapat membuka laluan kepada produk dan perkhidmatan pasaran berasaskan inovasi yang akhirnya memberi manfaat kepada pelabur dan penerbit.

MELAKAR LANGKAH SETERUSNYA

Penerbitan *Pelan Induk Pasaran Modal 2026–2030* (CMP) pada tahun 2026 akan menandakan penyelarasan semula yang penting bagi pasaran modal Malaysia. Berteraskan tonggak pertumbuhan, keterangkuman, daya tahan dan peluang serantau, CMP turut memanfaatkan pasaran modal Islam sebagai pembeza serta kecemerlangan kawal selia dan tadbir urus sebagai asasnya.

Pada tahun hadapan, keutamaan akan diberikan kepada pelaksanaan langkah-langkah untuk meningkatkan nilai cadangan jangka panjang syarikat awam tersenarai Malaysia, khususnya yang berprestasi tinggi dan yang kurang berprestasi. Ini penting untuk meningkatkan daya tarikan dan kebolehlaburan Korporat Malaysia. Selaras dengan itu, SC akan menyemak semula *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia* (MCCG) bagi memperkukuh kebertanggungjawapan korporat, kelakuan dan amalan kemampanan.

Garis panduan ekuiti yang disemak semula untuk Pasaran UTAMA dan keperluan penyenaian Pasaran ACE dijangka diperkenalkan pada separuh pertama tahun 2026. Semakan ini akan mengambil kira maklum balas awam daripada kajian segmentasi pasaran yang dijalankan tahun lalu. Selain itu, kami juga akan berusaha memperkukuh eskalator pembiayaan melalui pindaan kepada keperluan penyenaian Pasaran LEAP.

SC akan mengkaji penambahbaikan terhadap rangka kerja skim persaraan swasta (PRS) dan keseluruhan ekosistem bagi meningkatkan daya tarikan produk persaraan kepada pelabur runcit. Kami juga akan menilai kesesuaian tokenisasi bon untuk meningkatkan akses pelabur runcit kepada instrumen bon.

NSRF akan memasuki fasa kedua pelaksanaannya, yang mewajibkan pendedahan berkaitan iklim bagi baki syarikat di Pasaran Utama. Platform Bursa Sosial pertama juga akan diperkenalkan pada tahun 2026.

SC turut berhasrat memudahcara inovasi yang lebih besar dalam produk Islam, termasuk instrumen kewangan sosial Islam dan penawaran sukuk berasaskan *Maqasid*. Satu petanda yang menggalakkan ialah sebanyak 78 peratus daripada penyerahan sukuk di Malaysia pada tahun 2025 adalah sejajar dengan *Panduan Maqasid Al-Syariah*.

Jelajah antarabangsa juga akan dijalankan untuk menarik lebih banyak pejabat keluarga bagi memastikan sasaran SFO sebanyak RM2 bilion menjelang akhir tahun 2026 dapat dicapai.

Selaras dengan pendekatan berasaskan data SC, lebih banyak penyelesaian SupTech dijangka dilaksanakan serta peningkatan perkongsian maklumat dengan pihak berkuasa kawal selia lain pada tahun 2026.

Sebagai penutup, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua warga SC atas profesionalisme, komitmen dan kesungguhan mereka sepanjang tahun 2025 yang rancak ini. Saya amat berterima kasih kepada Ahli Lembaga SC serta Pasukan Eksekutif atas panduan mereka dan kepimpinan dalam pelbagai usaha sepanjang tahun. SC turut menerima manfaat besar daripada libat urus konstruktif dan sokongan pihak berkepentingan, khususnya peserta pasaran.

Dalam melangkah ke hadapan, marilah kita bersama-sama membentuk semula dan menyelaraskan semula pasaran modal sebagaimana yang telah digariskan dalam CMP.



Dato' Mohammad Faiz Azmi